



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

SESI *ROAD SHOW* SKIM PEMBIAYAAN KHAS PENJUALAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI NEGARA (PPR MTEN) DAN PERUMAHAN AWAM DBKL (PA DBKL)

KUALA LUMPUR, 7 Mac 2012 – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menghadiri Sesi *Road Show* Skim Pembiayaan Khas Penjualan PPR MTEN dan PA DBKL yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan.

2. **Skim Pembiayaan Khas** yang dicadangkan oleh KWPKB dan diluluskan oleh pihak kerajaan ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dalam usaha membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah di Kuala Lumpur. Pengumuman mengenai skim tersebut oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2012 semasa melancarkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012 bertujuan untuk membantu bakal pembeli mendapatkan sumber pembiayaan mudah untuk membeli unit-unit rumah PPR atau PA DBKL yang ditawarkan kepada mereka oleh DBKL. Hampir 19,000 penyewa PPR MTEN dan PA DBKL sekitar ibu negara akan mendapat manfaat daripada skim pembiayaan khas ini. Skim ini akan dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) yang ditubuhkan di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan.

3. Sesi *Road Show* ini akan diadakan sebanyak **15 sesi** yang melibatkan **38 PPR MTEN dan PA DBKL seluruh Kuala Lumpur bermula pada hari ini sehingga 18 Mac 2012.**

4. Tujuan sesi *Road Show* ini adalah untuk:

- i. Memberi penerangan kepada bakal pembeli rumah yang terlibat mengenai skim pembiayaan khas tersebut.
- ii. Menjelaskan mengenai mekanisme dan kaedah pembiayaan skim tersebut dilaksanakan.
- iii. Mengemas kini data penyewa, runding cara dan tawaran perjanjian skim pembiayaan khas tersebut.

5. Skim ini adalah merupakan inisiatif murni KWPKB dan pihak kerajaan dalam melihat warga kota yang kurang berkemampuan untuk mempunyai aset yang berharga di masa hadapan. Justeru, hasil daripada sesi *Road Show* ini akan dapat mempermudah bakal pembeli untuk menguruskan urusan pinjaman mereka melalui skim pembiayaan khas tersebut seterusnya menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh mereka selama ini kerana tidak mendapat pembiayaan untuk membeli rumah yang ditawarkan.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

7 Mac 2012

Kuala Lumpur

**SESI ROAD SHOW SKIM PEMBIAYAAN KHAS
PPR MTEN DAN PA DBKL**

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR KL LINEAR CITY I (SERI ANGGERIK)	79	DEWAN KOMUNITI LEMBAH PANTAI	7/3/12 8.00 mlm Rabu
2	PPR KL LINEAR CITY II (PANTAI RIA)	238		
3	PPR KL LINEAR CITY II FASA II (SERI CEMPAKA)	170		
4	PPR KG LIMAU	128		
5	PPR SERI PANTAI	136		
6	PPR LEMBAH PANTAI (KERINCHI)	197		
7	BUKIT KERINCHI 1A	61		
JUMLAH		1,009		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR TAMAN MULIA	126	INSTITUT DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (IDB)	8/3/12 8.00 mlm Khamis
2	SERI LABUAN	257		
3	SERI KOTA	285		
4	PPR DESA TUN RAZAK	340		
JUMLAH		1,008		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR SG BONUS (BLOK B,C,D,E & F) (SERI SEMARAK)	770	DATARAN PPR SERI SEMARAK	9/3/12 8.00 mlm Jumaat
JUMLAH		770		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR KG BARU AIR PANAS	451	DATARAN PPR AIR PANAS	10/3/12 9.00 pagi Sabtu
2	WANGSA MAJU R1	60		
3	PPR WANGSA SARI	79		
JUMLAH		590		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR KG MUHIBBAH	123	DATARAN PPR MUHIBBAH	10/3/12 2.00 ptg Sabtu
JUMLAH		123		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR PUDU ULU	257	DATARAN SERI SABAH 3A	11/3/12 10.00 pagi Ahad
2	SERI SABAH 3A	167		
3	SERI SABAH 3B	214		
JUMLAH		638		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR SG BESI (DESA PETALING)	129	DEWAN PPR SERI MALAYSIA	11/3/12 8.00 mlm Ahad
2	PPR KG SERI MALAYSIA	146		
3	PPR SALAK SELATAN	56		
JUMLAH		331		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR TAMAN WAHYU I (BERINGIN)	254	DEWAN PPR WAHYU	12/3/12 8.00 mlm Isnin
2	PPR TAMAN WAHYU II (WAHYU)	121		
JUMLAH		375		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR INTAN BAIDURI	161	DEWAN PPR INTAN BAIDURI	13/3/12 8.00 mlm Selasa
JUMLAH		161		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR AMPANG HILIR (HILIRAN AMPANG)	173	PADANG PPR HILIRAN AMPANG	14/3/12 8.00 mlm Rabu
JUMLAH		173		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	SERI PERAK	127	PUSAT KOMUNITI BANDAR BARU SENTUL, DEPAN PA SERI PERAK	15/3/12 8.00 mlm Khamis
2	SERI KELANTAN	65		
3	SERI PANGKOR 1	5		
JUMLAH		197		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR SG BONUS (BLOK G & H) SG BONUS	145	DEWAN PPR SG BONUS	16/3/12 8.00 mlm Jumaat
JUMLAH		145		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR KG BATU MUDA (BATU MUDA)	186	DEWAN KOMUNITI PPR PEKAN BATU	17/3/12 2.00 ptg Sabtu
2	PPR PEKAN BATU	149		
JUMLAH		335		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR JELATEK	74	DEWAN DESA REJANG	17/3/12 9.00 pagi Sabtu
2	WANGSA MAJU R10	24		
3	DESA REJANG	302		
JUMLAH		400		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR GOMBAK SETIA	427	DEWAN KOMUNITI GOMBAK SETIA	18/3/12 2.00 ptg Ahad
JUMLAH		427		

BIL	KAWASAN	SASARAN	TEMPAT	TARIKH
1	PPR RAYA PERMAI	240	KAWASAN LAPANG BLOK B PPR RAYA PERMAI	18/3/12 10.00 pagi Ahad
JUMLAH		240		